

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. NOOR AZMI BIN GHAZALI  
[ BAGAN SERAI ]**

**TARIKH : 7 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Dr. Noor Azmi bin Ghazali [ Bagan Serai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memberi penerangan kepada rakyat tentang bagaimana menghadapi keadaan banjir dan usaha Kementerian untuk membantu memulihkan kehidupan mangsa banjir yang terlibat selepas banjir yang kerugian banyak harta benda.

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti (*Community Based Disaster Management – CBDM*) anjuran MKN telah dilaksanakan sejak tahun 2010 dengan memberikan penumpuan kepada daerah-daerah yang mempunyai *hotspots* kemungkinan berlaku bencana berskala besar. Kaedah pelaksanaan program kesedaran awam ini telah dipertingkatkan dan ditambahbaik di mana pengisian program ini bukan sekadar ceramah tetapi turut diisi dengan bengkel yang mengajar mengenai persediaan bagi menghadapi banjir, tindakan yang perlu diambil semasa mendapat arahan berpindah, peranan komuniti di pusat pemindahan dan perkara yang perlu dilakukan setelah mendapat kebenaran pulang ke rumah. Sehingga tahun 2013, seramai 12,111 peserta telah menyertai program ini di seluruh negara.

Program penerangan kepada orang awam terhadap bencana telah dijalankan dengan giat di seluruh negara. Penglibatan agensi seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta turut dilaksanakan secara kerjasama bersama badan bukan Kerajaan (NGO) seperti MERCY Malaysia (MERCY), Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) dan lain-lain.

Selain daripada itu, latihan persediaan menghadapi bencana turut dilaksanakan di peringkat sekolah dengan adanya kerjasama KPM dengan MERCY untuk menjalankan program *Smart Support Team* (SST). Program yang dilaksanakan di sekolah ini memberikan peluang dan pengalaman kepada pelajar untuk bertindak sekiranya berlaku bencana. Program yang turut mendapat sokongan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ini masih pada peringkat pelaksanaan. Di samping itu juga, peningkatan kesedaran pengurangan risiko bencana turut telah dimasukkan ke dalam takwim sekolah di mana kawad kecemasan telah diarah untuk diadakan di sekolah-sekolah.

Sekian. Terima kasih.